

03 DEC 1999

Ramli-Gembira (Laporan khas)

RAMLI GEMBIRA TINGGALKAN PERAK DALAM KEADAAN MEMBANGGAKAN

IPOH, 3 Dis (Bernama) -- Kediaman rasmi beliau sekeluarga tidak banyak berubah kecuali beberapa barangan sedang dibungkus dan di satu sudut beberapa kotak bunga kering diatur sebegitu rupa seolah-olah menanti untuk diangkut ke premis lain.

Setelah hampir 18 tahun menjadi Menteri Besar dan tinggal di kediaman rasmi yang terletak di tengah-tengah bandar raya Ipoh itu, Tan Sri Ramli Ngah Talib akhirnya terpaksa meninggalkan premis itu yang menyaksikan pelbagai peristiwa selain melihat anak-anak beliau seramai empat orang itu membesar.

Di situ juga isteri beliau Raja Puan Sri Noora Ashikin yang menjadi pengerusi beberapa persatuan wanita mengajar anggotanya cara-cara membuat "pot-pourri" sama ada untuk dijual ataupun kegunaan sendiri.

Dalam temuramah baru-baru ini, beliau berkata pemergian beliau dalam tempoh dua minggu ini untuk menyertai kerajaan pusat diiringi perasaan sedih dan gembira.

Beliau sedih kerana terpaksa meninggalkan teman-teman rapat serta tidak sempat melihat projek yang dicetuskan beliau selesai manakala perasaan gembira timbul kerana berjaya membawa Perak ke tahap yang membanggakan.

"Dulu masa saya mula menjawat jawatan Menteri Besar, keadaan di negeri ini agak terkebelakang dalam pelbagai aspek termasuk infrastruktur, ekonomi dan kebudayaan," kata Ramli yang memangku jawatan itu pada Oktober 1982 sebelum dilantik secara rasmi pada 1 Mac 1983.

Pada pilihan raya umum baru-baru ini Ramli telah bertukar kawasan dari kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah ke kawasan Parlimen Pasir Salak.

Ketika mengimbas kembali sejarah penglibatannya dalam pilihan raya, Ramli yang dilahirkan di Pasir Salak pada 1 Mac 1941 itu berkata, perkara yang paling tidak dapat dilupakan ialah apabila diminta bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Gajah pada tahun 1978.

"Saya gembira kerana diberi kepercayaan walaupun merupakan ketua bahagian UMNO yang termuda di negeri ini pada masa itu," katanya.

Ramli yang berkelulusan ijazah sarjana muda undang-undang dari Queen's University, Belfast dan Barrister-at-Law Lincoln's Inn juga merupakan Menteri Besar termuda ketika dilantik pada usia 42 tahun.

"Dr Mahathir merupakan orang yang bertanggungjawab memilih saya sebagai anggota Exco dan Menteri Besar," katanya.

Katanya, kejatuhan harga timah di pasaran antarabangsa pada awal tahun 1980-an memberi kesan besar kepada industri perlombongan bijih timah yang menjadi nadi ekonomi Perak serta menyebabkan pembangunan di negeri ini terbantut.

Untuk menghidupkan semula ekonomi negeri ini, Ramli berkata beliau telah memulakan dasar perindustrian Perak dengan membawa pelaburan dari luar.

Sehingga Ogos ini, kerajaan negeri telah meluluskan pelbagai projek perindustrian bernilai RM1.086 bilion, meningkat 164.8 peratus atau RM410.1 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Peningkatan pelaburan ke Perak sekali gus menambah peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatannya sebanyak 39.5 peratus iaitu daripada 3,308 kepada 4,615 pekerjaan.

Beliau berkata pendekatan yang digunakan juga agak serupa dengan kerajaan ketika menghadapi kegawatan antara tahun 1997-98, cuma di Perak ia dilakukan dalam skala yang lebih kecil.

Katanya kerajaan Perak juga berusaha membangunkan pertanian dengan menumpukan terhadap peningkatan hasil ekoran saiz kawasan tanaman yang semakin kecil akibat perindustrian.

Pengeluaran padi di negeri ini ditingkatkan ke tahap tujuh tan sehektar berbanding 3.5 tan sehektar yang dihasilkan sebelum ini, katanya.

"Kita juga mempunyai lebih 14,000 hektar tanaman kelapa sawit di Indonesia," kata beliau.

Daripada segi kebudayaan, Ramli berkata Perak kini merupakan antara negeri yang cemerlang meningkatkan martabat aktiviti kebudayaan terutamanya di kalangan masyarakat Melayu.

Beliau berkata hasil kajian seorang profesor dari Universiti Malaya mendapati Perak mempunyai 46 bahan kebudayaan berkaitan orang Melayu, melebihi apa yang ada di Kelantan dan Terengganu yang selama ini dikatakan pusat perkembangan kebudayaan Melayu.

Katanya, Perak juga kini merupakan negeri ketiga tertinggi dari segi pendapatan perkapita selain terpilih sebagai destinasi pelancongan domestik paling popular.

Pendapatan perkapita penduduknya dianggarkan meningkat kepada antara RM5,130 dan RM5,314 bagi 1999 dan tahun depan berbanding RM4,946 pada tahun lepas.

Kerajaan negeri melalui Program Tahun Melawat Perak 2000 menjangkakan akan dapat menarik lebih dua juta orang pelancong tempatan dan asing.

Sebanyak 48 acara pelancongan telah dirangka oleh kerajaan negeri dengan kerjasama sektor swasta dan badan sukarela.

-- BERNAMA

HJ MHI NMO